

# KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JULAI 2023  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 23

## Kadar inflasi dijangka terkawal 6 bulan terakhir



# Kadar inflasi dijangka terkawal 6 bulan terakhir

**Prospek harga makanan positif berikutan jangkakan pengeluaran global lebih tinggi**

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Kenaikan harga barang di negara ini seperti diukur oleh Indeks Harga Pengguna (IHP) dijangka terkawal pada separuh kedua tahun ini sejajar dengan penurunan harga makanan dan komoditi global, kata penganalisis.

Berdasarkan indeks harga makanan Pertubuhan Makanan dan Pertanian (FAO) Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

memperlihatkan harga komoditi makanan global telah susut sejak Mei 2023, turun 22.1 peratus kepada 124.3 mata, jauh lebih rendah berbanding rekod tertinggi 159.7 mata pada Mac 2022.

Sehubungan itu, menuju ke hadapan Affin Hwang Investment Bank percaya bahawa prospek harga makanan global adalah positif dan terurus, memandangkan pengeluaran global dijangka lebih tinggi.

Walau bagaimanapun, ia berkata, pandangannya itu adalah bergantung kepada keadaan cuaca, termasuk perkembangan fenomena El Nino.

"Selaras dengan penurunan harga makanan dan komoditi global, inflasi keseluruhan Malaysia naik 2.8 peratus pada Mei berbanding 3.3 peratus pada April, paras terendah sejak Mei tahun lalu.

"Harga makanan dan minuman, kumpulan barangan terbesar dalam jumlah keseluruhan bakul IHP terus berkurangan,

hanya meningkat sebanyak 5.9 peratus pada Mei berbanding 6.3 peratus pada April," katanya dalam satu nota penyelidikan.

Affin Hwang Investment Bank berkata, inflasi teras, yang tidak termasuk item harga yang ditadbir dan tidak menentu, mengekalkan trajektori penurunan kepada 3.5 peratus pada Mei 2023 berbanding 3.6 peratus pada April.

### Kekal unjuran inflasi

Ia berkata, secara kumulatif, bagi tempoh Januari hingga Mei 2023, inflasi keseluruhan negara berpurata 3.4 peratus, terutama disumbangkan oleh inflasi dalam makanan (6.6 peratus), perumahan & utiliti (1.6 peratus) dan pengangkutan (2.6 peratus).

"Kami mengekalkan unjuran inflasi keseluruhan kepada purata 3.3 peratus untuk tahun ini (3.3 peratus pada 2022) berbanding unjuran rasmi 2.8 peratus hingga 3.8 peratus," katanya.

Bank pelaburan itu berkata,

dengan tekanan inflasi global yang semakin baik, bank pusat memperlahankan kadar kenaikan kadar faedah dalam beberapa bulan kebelakangan ini.

Ia berkata, kebanyakan bank pusat sama ada meredakan langkah mengetatkan moneterinya atau meningkatkan kadar dasar moneteri mereka dengan hanya 25 mata asas saja, yang dilihat lebih perlahan secara ketara berbanding fasa awal kempen mengetatkan dasar apabila kenaikan sebanyak 75 mata asas atau 50 mata asas adalah perkara biasa.

Bank Negara Malaysia (BNM) minggu lalu berkata kedua-dua inflasi keseluruhan dan inflasi teras diunjur menurun pada separuh kedua 2023.

Bagaimanapun, bank pusat berkata bahawa walaupun inflasi teras menyederhana, ia kekal tinggi berbanding purata jangka panjang dalam persekitaran faktor permintaan dan kos yang berpanjangan.